

UPM anjur WPWS 3.0 tingkat kesedaran bahaya mikroplastik

Oleh: Ameesya Aghniya Ab Rahim



SERDANG, 18 November – Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Kelab Mahasiswa Kimia, Fakulti Sains telah mengadakan program We Protect We Survive (WPWS) 3.0 untuk meningkatkan kesedaran mengenai mikroplastik.

Program yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 9 (1) ini bertujuan untuk mendidik pelajar-pelajar mengenai impak negatif yang

dibawa oleh mikroplastik ke atas alam sekitar serta kepentingan amalan kitar semula.

Ketua program, Nur Faizatul Iqma Mohd Jupri berkata, mikroplastik adalah zarah plastik yang sangat kecil dan boleh mendatangkan ancaman besar kepada ekosistem serta kesihatan manusia.

“Plastik yang digunakan secara berpanjangan boleh menjadi asbab kepupusan flora dan fauna baik spesies daratan mahupun lautan kerana penggunaan plastik tanpa kawalan memberikan impak boleh membahayakan ekosistem serta merosakkan habitat haiwan.

“Haiwan yang terdedah kepada plastik serta sering memakannya secara tidak sengaja boleh menyebabkan kecederaan, keracunan atau kematian,” katanya.

Penasihat program, Prof Madya ChM. Dr. Yusran Sulaiman berkata, mikroplastik boleh terlepas ke dalam alam sekitar melalui pelbagai cara serta boleh berada dalam produk pengguna seperti kosmetik dan bahan pencuci harian di rumah.

“Penggunaan plastik secara tidak terkawal harus dihentikan untuk mengurangkan pencemaran plastik yang telah menjadi masalah global yang amat kritikal,” katanya.

Pensyarah dari Fakulti Sains, Dr. Mohd Farid Ismail berkata, usaha ini dilakukan untuk memberi didikan kepada warga sekolah mengenai ancaman mikroplastik serta mempertingkatkan lagi pemahaman mereka mengenai amalan mesra alam.

“Mikroplastik bukan hanya ancaman kepada hidupan marin, tetapi juga boleh masuk ke dalam rantai makanan manusia, memberikan kesan jangka panjang yang belum sepenuhnya difahami.

“Penyelesaian terhadap masalah mikroplastik harus melibatkan pendekatan yang holistik supaya alam sekitar dilindungi dan kesihatan manusia terjaga,” katanya.

Program yang telah disertai oleh 600 orang pelajar itu turut memfokuskan rasa kecintaan terhadap alam sekitar serta mengasah minat pelajar untuk menceburi bidang Sains dan Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).



Dalam pada itu, kempen Larangan Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Polisterin yang telah dilancarkan oleh UPM juga menjadi sebahagian daripada fokus utama program ini untuk mengurangkan jejak karbon dan ekosistem yang mampan.

Berita Lain...




Cicada serangga 'nyaring', simpan rahsia ekosistem hutan

[Baca lagi »](#)



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

2019

2018

2017



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

Berita

Artikel

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia

